

08/11/2000

Kejohanan nilai prestasi ekuin

Mohd Ali Majid

KEJOHANAN Akhir Piala Perdana Siri 2000 yang berlangsung selama empat hari di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resorts bermula esok dijadikan landasan menilai keupayaan ekuin negara yang bakal bersaing pada Sukan Sea 2001 September depan.

Sekurang-kurangnya tujuh daripada 15 ekuin projek gemilang 2001 turut serta dalam kejohanan terbesar anjuran ARL Marketing Sdn Bhd sempena hari kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka yang turut serta membabitkan ekuin show jumping seperti Quzier Ambak, Azni Azar, Eric Koh, Ruzalina Zainal Abidin, Shaipul Anuar Shahrom dan ekuin dressage Razlina Razak dan Abdullah Zahir.

Selebihnya tidak dapat serta kerana berlatih di luar negara seperti Qabil Ambak, Syed Omar Syed Abu Bakar Al-Mohdzar dan Quzandria Nur yang kini berada di Eropah.

Ekuin 3 days event - Husraf Malik, Mohd Ashraff Dewal, Tengku Nazroff Tunku Moxsin, James Ravindra dan S Lingesparan - berada di New Zealand sehingga hujung tahun ini.

"Kita sentiasa meneliti pencapaian mereka dan mengharapkan setiap ekuin akan mempamerkan kebolehan sebenar mereka dalam kejohanan ini untuk dinilai menjelang sukan Sea itu nanti," kata Presiden Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM), Md Azar Ismail.

Katanya, penilaian bukan saja dilakukan menerusi kejohanan ini malah dalam beberapa siri kejohanan lagi yang akan diadakan awal musim depan sehingga kejohanan sebenar.

(END)